

## 75 TAHUN CBP : EWON RASMI WISMA CO-OPBANK PERTAMA

---

1. Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick hari ini merasmikan ibu pejabat baharu Co-opbank Pertama (CBP) yang dikenali sebagai Wisma Co-opbank Pertama.
2. Perasmian Wisma Co-opbank Pertama ini dilihat signifikan apabila ianya dirasmikan bersempena dengan sambutan ulang tahun CBP ke-75 pada 7 Jun 2025 yang lalu yang melambangkan salah satu kejayaan yang berjaya dicapai oleh CBP.
3. Wisma Co-opbank Pertama setinggi 13 tingkat yang terletak di lokasi strategik di Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Kampung Bharu, melambangkan kekuatan dan kemajuan CBP sebagai institusi kewangan koperasi, selain menjadi simbol kepada aspirasi masa depan untuk terus berkembang sebagai peneraju perbankan koperasi yang moden, mampan dan inklusif di Malaysia.
4. Sementara itu, Pengurus CBP, Datuk Baharom Embi, berkata seiring dengan peredaran zaman, CBP terus memperluas bidang perniagaannya dengan menyediakan pembiayaan dalam sektor pertanian hingga kepada pembangunan hartanah demi manfaat anggota.
5. "September 2014 menjadi titik permulaan bagi CBP yang pada ketika itu dikenali sebagai Co-opbank Persatuan apabila Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) memberi kebenaran untuk beroperasi secara sepenuhnya sebagai sebuah Co-opbank.
6. "Pada 2018, Co-opbank Persatuan sekali lagi menukar nama daripada Koperasi Co-opbank Persatuan Malaysia Berhad kepada Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad yang kekal hingga ke hari ini.
7. "Perjalanan selama 75 tahun ini bukan sesuatu yang mudah tanpa sokongan kerajaan, pengawal selia, anggota dan pelanggan CBP," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Wisma Co-opbank Pertama.

**KENYATAAN MEDIA CO-OPBANK PERTAMA**  
**10 JULAI 2025**

8. Baharom turut menzahirkan rasa penghargaan kepada KUSKOP, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) termasuk para anggota dan pelanggan CBP di atas sokongan yang diberikan yang membawa kepada kejayaan demi kejayaan yang diraih oleh CBP.
9. Mengulas mengenai pencapaian CBP, Ketua Pegawai Eksekutif CBP, Khairul Anuar Mohammad Anuar, pula berkata CBP mencatatkan keuntungan tertinggi dalam sejarah penubuhannya bagi tahun 2024 iaitu sebanyak RM124.29 juta.
10. Selain itu, beliau berkata, CBP dianugerahkan sebagai Koperasi Premier Malaysia empat tahun berturut-turut dari 2021 sehingga 2024.

**-TERIMA KASIH-**

**Mengenai Co-opbank Pertama**

Co-opbank Pertama (CBP) telah ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP telah diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Bank Negara Malaysia sebagai sebuah bank. CBP mempunyai 35 buah cawangan termasuk outlet di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk Pembiayaan Individu, Koperasi serta Korporat, Ar-Rahnu, Deposit, Syer Keanggotaan serta Takaful dan Wasiat Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cbp.com.my](http://www.cbp.com.my)

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi  
Jabatan Komunikasi Korporat Co-opbank Pertama  
[ukk@cbp.com.my](mailto:ukk@cbp.com.my)